

**KETERANGAN PENDAPAT PAKAR SEBAGAI KAEDAH PEMBUKTIAN DALAM  
KESALAHAN JENAYAH SYARIAH DI ALAM SIBER**

**Mohd Sabree Nasri\***

Fakulti Undang-undang, Governan dan Hubungan Antarabangsa  
Kolej Universiti Islam Melaka  
mohdsabree@kuim.edu.my

**Ruzman Md Noor**

Jabatan Syariah dan Undang-undang  
Akademi Pengajian Islam  
Universiti Malaya  
ruzman@um.edu.my

*\*Corresponding author*

---

*Received Date: 25 September 2020 Accepted Date: 2 November 2020 Published Date: 14 December 2020*

---

**ABSTRAK**

Isu jenayah Syariah di alam siber pada masa kini semakin berleluasa rentetan daripada perkembangan teknologi yang semakin canggih. Walaupun telah wujud peruntukan terhadap kesalahan jenayah Syariah di setiap negeri, namun ia masih belum dapat menyelesaikan kes yang melibatkan jenayah Islam terutamanya yang berlaku di alam siber dan ia berada diluar pengetahuan hakim. Antara halangan pelaksanaan jenayah Syariah di alam siber adalah disebabkan oleh elemen pembuktian yang terbatas serta pemakaian keterangan pendapat pakar yang sangat terhad di Mahkamah Syariah. Justeru itu, artikel ini akan menganalisa secara khusus peruntukan dalam Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991 yang mempunyai kaitan dengan kesalahan jenayah di alam siber serta Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Melaka) 2002. Selain itu, kes dan artikel yang berkaitan akan dirujuk untuk mendapatkan data dan maklumat yang terkini. Hasil kajian mendapati bahawa keterangan pendapat pakar perlu diperkembangkan dan seterusnya diterima pakai di Mahkamah Syariah sebagai salah satu kaedah pembuktian bagi menangani jenayah Syariah yang berlaku di alam siber pada masa kini.

**Kata Kunci:** Keterangan Pendapat Pakar, Jenayah Siber, Kesalahan Jenayah Syariah, Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah.

## **EXPERT OPINION EVIDENCE AS A METHOD OF PROOF IN SYARIAH CRIMINAL OFFENSES IN CYBER**

### **ABSTRACT**

*The issue of Shariah crime in cyberspace is now becoming more widespread due to the development of increasingly sophisticated technology. Although there are provisions for Shariah criminal offenses in each state, it has not yet been able to resolve cases involving Islamic crimes, especially those that occur in cyberspace and it is beyond the knowledge of Syarie judges. Among the obstacles to the implementation of Shariah crime in cyberspace is due to the limited evidence elements as well as the use of very limited expert opinion in the Syariah Court. Therefore, this article will specifically analyze the provisions in the Syariah Offenses (State of Melaka) Enactment 1991 which are related to criminal offenses in cyberspace as well as the Syariah Court Evidence (State of Malacca) Enactment 2002. Besides, related cases and articles will be referred to as up-to-date data and information. The results of the study found that expert opinion needs to be refined and subsequently adopted in the Syariah Court as one of the means of proof to deal with Shariah crime in cyberspace today.*

**Keywords:** *Evidence of Expert Opinion, Cyber Crime, Syariah Criminal Offenses, Syariah Court Evidence Law.*

### **PENDAHULUAN**

Siber merujuk kepada sesuatu yang berkaitan dengan komputer atau internet. Manakala jenayah siber boleh ditakrifkan sebagai sesuatu perbuatan dan tindakan salah disisi undang-undang yang dilakukan melalui alam maya dengan menggunakan komputer dan bantuan capaian internet (Kamus Dewan Edisi Keempat). Tidak dapat dinafikan lagi bahawa dengan berkembangnya zaman teknologi yang semakin canggih, maka wujudlah penyalahgunaan komputer, alat peranti dan internet oleh penjenayah untuk mendapatkan kepentingan yang tertentu. Tidak terlepas juga kesalahan jenayah Syariah yang dilakukan melalui alam siber, antaranya ialah menghina kesucian agama Islam, menyebarkan ajaran dan doktrin yang bertentangan dengan agama Islam dan lain-lain lagi. Justeru itu, pendekatan saintifik dan sains forensik seharusnya diterima pakai sebagai salah satu kaedah pembuktian di Mahkamah Syariah memandangkan jenayah yang dilakukan ini berkisar dengan bidang sains dan teknologi yang berada diluar pengetahuan yang mendalam oleh hakim syarie.

Hakikatnya lapangan dan ilmu sains sangat luas jika dilihat dari sudut kaca mata Islam. Jika dilihat dalam konteks undang-undang jenayah Islam, pendekatan keterangan pakar melalui pembuktian sains forensik dilihat sangat membantu dalam mencapai keadilan bagi kes-kes jenayah masa kini yang semakin kompleks dan sukar diselesaikan. Peranan sains forensik adalah untuk menyelesaikan sesuatu kes atau penyiasatan yang menggunakan aplikasi sains yang lebih moden dan terkini (Ahmad Syukran, 2017). Pendekatan teknologi dan sains terkini yang berkembang pesat mampu untuk membuat pengecaman identiti terhadap penjenayah, seterusnya membantu dalam menentukan siapa mangsa dan juga motif jenayah yang dilakukan. Pendekatan ini seharusnya diimplemenkan dan diterima pakai secara efisien di Mahkamah Syariah bagi tujuan penyiasatan dan pembuktian terhadap kesalahan jenayah Syariah yang dilakukan di alam siber.

Oleh yang demikian, objektif makalah ini adalah untuk meneliti bentuk-bentuk kesalahan jenayah Syariah yang sering berlaku di alam siber terutamanya di laman media sosial. Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Melaka serta peruntukan lain yang berkaitan undang-undang substantif akan digunakan sebagai rujukan utama dalam menentukan bentuk kesalahan yang berlaku. Kemudian analisis akan dilakukan terhadap beberapa isu yang menjadi cabaran dan penghalang dalam menguatkuasakan kesalahan jenayah Syariah tersebut terutamanya berkaitan undang-undang prosedur atau tatacara jenayah di Mahkamah Syariah. Akhirnya cadangan pemakaian keterangan pakar melalui sains forensik akan dicadangkan sebagai salah satu kaedah pembuktian yang boleh diterima pakai di Mahkamah Syariah.

## **BENTUK KESALAHAN JENAYAH SYARIAH DI ALAM SIBER**

Skop jenayah yang kebiasaannya diperkatakan berkaitan dengan jenayah siber adalah lebih terfokus kepada jenayah yang dilakukan secara terus melalui alam maya seperti *hacking*<sup>1</sup> atau penggodaman terhadap kata laluan, penipuan melalui e-mel *scam* dan loteri *scam*, laman *phising*<sup>2</sup>, memanipulasikan virus, melakukan kebocoran data dan pelbagai lagi (Sahizan Sagi, 2015). Namun, kesalahan jenayah Syariah yang kebiasaannya dilakukan di alam siber lebih kepada tindakan menghina atau mempermainkan kesucian agama Islam serta mengembangkan doktrin yang bertentangan dengan agama Islam terutamanya di laman media sosial seperti *facebook* dan seumpamanya. Berikut merupakan beberapa bentuk kesalahan jenayah yang berlaku di alam siber.

Jadual 1: Bentuk Kesalahan Jenayah di Alam Siber

<b>Bil.</b>	<b>Kesalahan Jenayah Syariah</b>	<b>Jenayah Sivil</b>
1.	Menghina atau Mempersendakan Agama Islam	Menceroboh Sistem Komputer Orang Lain
2.	Menyebarkan Ajaran dan Doktrin yang Salah	Melakukan pengubahsuaian kandungan dan data
3.	Mengajar Agama Tanpa Tauliah	Mencuri Wang dari akaun pelanggan
4.	Perbuatan Tidak Sopan	Pengedaran Bahan Lucah
5.	Melakukan Transaksi yang Bertentangan dengan Agama Islam	Melakukan Penipuan melalui e-mel <i>scam</i>
6.	Berjudi	Pemalsuan Kata Laluan
7.	Memecahkan Rahsia	Mendatangkan khianat awam
8.	Mengadakan Kutipan Wang yang Tidak Sah	Mendatangkan kekusaran terhadap awam

Sumber: *Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991, Kanun Keseksaan, Akta Jenayah Komputer 1997, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan Akta Perlindungan Pengguna 1999.*

### **Menghina atau Mempersendakan Agama Islam**

Kes menghina dan mempersendakan agama Islam di alam maya terutamanya di laman media sosial semakin berleluasa. Antara bentuk penghinaan yang dilakukan adalah dengan

<sup>1</sup> *Hacking* adalah tindakan yang dilakukan oleh penggodam untuk mengakses sesebuah komputer tanpa mendapat sebarang kebenaran atau izin dari pihak bertanggungjawab yang ditugaskan mahupun kebenaran daripada pemilik sesebuah komputer.

<sup>2</sup> *Phising* adalah gabungan dua perkataan, iaitu *page* dan *fishing*. Maksud *phising* adalah memancing manusia melalui paparan laman sesawang palsu.

mempersendakan agama Islam, Nabi dan Rasul, (Kosmo, 16 November 2017; Sinar, 14 Ogos 2013) mempersoalkan kewujudan tuhan bagi agama Islam, menghina umat Islam, menghina tempat-tempat suci umat Islam, (Utusan, 18 Disember 2017; Berita Harian, 17 Disember 2017) menghina kitab suci yang menjadi pegangan umat Islam dan lain-lain lagi. Kebiasaannya penghinaan ini dilakukan secara bertulis atau melalui rakaman video dan disebar di laman media sosial (Berita Awani, 29 Julai 2016).

Merujuk kepada undang-undang substantif, kesalahan ini telah dinyatakan dan diperuntukkan secara terperinci dalam Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) pada beberapa seksyen iaitu Seksyen 62. *Mempersendakan Agama Islam*, Seksyen 63. *Menghina agama Islam*, Seksyen 65. *Menghina pihak berkuasa agama*, Seksyen 61. *Mempermainkan ayat al-Quran atau Hadith*, dan Seksyen 68. *Takfir*.

Jadual 2: Bentuk Kesalahan Menghina/Mempersendakan Agama Islam

<b>Bil.</b>	<b>Peruntukan</b>	<b>Perincian Kesalahan</b>
1.	Seksyen 62. Mempersendakan Agama Islam.	mengolok-olok, mengajuk atau mengejek-ejek akan Agama Islam.
2.	Seksyen 63. Menghina agama Islam.	mencerca atau disifatkan sebagai menghina atau cuba mencerca atau menghina Agama Islam, perjalanan mana-mana mazhab yang muktabar, pegawai Agama, Guru Agama dan Imam yang dilantik.
3.	Seksyen 65. Menghina pihak berkuasa agama.	mengingkari, melanggar, membantah atau mengeji kewibawaan dan titah perintah yang sah daripada Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Agama Islam, perintah Majlis, mana-mana Jawatankuasa Majlis pegawai mana-mana Mahkamah Syariah atau mana-mana pegawai agama.
4.	Seksyen 61. Mempermainkan ayat al-Quran atau Hadith.	mempermainkan, mencela, mengejek-ejek dengan perkataan atau perbuatan atau menghina al-Quran atau Hadith Nabi atau perkataan yang berkaitan dengan Agama Islam.
5.	Seksyen 68. Takfir. <sup>3</sup>	tidak mempercayai, mengikuti, menganuti atau tergolong dalam Agama Islam.

Sumber: *Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991*.

### **Menyebarkan Ajaran dan Doktrin yang Salah**

Kesalahan jenayah Syariah di alam siber meliputi kesalahan menyebarkan ajaran dan doktrin yang salah dan bertentangan dengan ajaran Islam. Perkara ini boleh menyebabkan kerosakan terhadap agama dan pegangan umat Islam secara meluas kerana ia mudah tersebar luas terutamanya di laman media sosial yang capaiannya sangat mudah dan pantas. Ajaran dan propaganda yang menyimpang dan songsang yang dimainkan melalui ruang siber mampu mempengaruhi seseorang muslim daripada pemahaman agama yang sebenar serta membuka ruang kepada kepercayaan dan pengamalan yang ekstrem, liberal dan terpesong dari kerangka Islam sebenar (Ahmad Syukran, 2017).

Kesalahan ini telah dinyatakan dan diperuntukkan secara jelas dalam Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) pada beberapa seksyen iaitu Seksyen 60. *Ajaran salah*, Seksyen 47. *Fatwa tidak sah* dan Seksyen 69. *Pemujaan*.

<sup>3</sup> Takfir adalah sesuatu tindakan mengkafirkan orang Islam.

Jadual 3: Bentuk Kesalahan Menyebarkan Ajaran dan Doktrin yang Salah

<b>Bil.</b>	<b>Peruntukan</b>	<b>Perincian Kesalahan</b>
1.	Seksyen 60. Ajaran salah.	mengajar atau menjelaskan kepada seseorang atau di tempat awam mengajar atau menjalankan sesuatu istiadat atau sesuatu perbuatan yang bertentangan dengan Hukum Syarak adalah merupakan suatu kesalahan
2.	Seksyen 47. Fatwa tidak sah.	memberi dan menghebahkan fatwa untuk diikuti oleh orang awam mengenai apa-apa soalan ajaran Islam atau Hukum Syarak, berlawanan dengan mana-mana fatwa yang dikeluarkan oleh Mufti dan yang telah diwartakan adalah merupakan suatu kesalahan
3.	Seksyen 69. Pemujaan.	memuja pantai, pokok kayu, padang, kubur, hutan belukar, bukit atau mana-mana orang atau apa-apa benda dengan apa-apa jua cara yang bercanggah dengan Hukum Syarak adalah merupakan suatu kesalahan

Sumber: *Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991*.

### **Mengajar Agama Tanpa Tauliah**

Secara asasnya, seseorang yang ingin mengajar agama kepada masyarakat umum mestilah mempunyai tauliah yang dikeluarkan oleh pejabat mufti negeri-negeri. Perkara ini sebagaimana yang diperuntukkan dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002 pada Seksyen 107, *Kesalahan mengajar agama Islam atau apa-apa perkara tentang agama Islam tanpa tauliah*. Selain itu, perkara ini juga turut diperuntukkan dalam Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991 pada Seksyen 70, *Mengajar agama*, seperti berikut:

*“Sesiapa yang mengajar sesuatu perkara yang berkaitan dengan Agama Islam tanpa kebenaran bertulis daripada Majlis kecuali pada ahli-ahli keluarganya di tempat kediamannya sahaja, adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahannya boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi tiga puluh enam bulan atau kedua-duanya sekali.”*

Walau bagaimanapun, pada zaman moden ini, maklumat boleh dicapai dengan mudah di ruang siber. Tidak terlepas juga ajaran dan ceramah umum turut boleh dilihat secara terus dan secara langsung oleh masyarakat awam melalui *facebook*, *youtube* dan seumpamanya. Persoalan sama ada mempunyai tauliah mengajar agama ataupun tidak, sudah tidak lagi menjadi halangan. Lebih membimbangkan lagi apabila ajaran yang disampaikan oleh individu tertentu menyimpang daripada landasan Islam yang sebenar. Pada masa kini pemantauan oleh penguatkuasa agama hanya tertumpu kepada mereka yang berceramah atau mengajar secara langsung di masjid-masjid atau surau-sarau dengan mensyaratkan mempunyai tauliah mengajar agama. Penarikan semula tauliah mengajar agama dikuatkuasakan jika seseorang itu didapati menyampaikan sesuatu yang menyimpang daripada pemahaman agama yang sebenar atau sesuatu pandangan yang boleh menimbulkan kekeliruan oleh masyarakat awam yang akhirnya membawa kepada perpecahan dan perbalahan. Namun, perkara ini tidak akan selesai jika tiada penguatkuasaan yang lebih komprehensif terhadap mereka yang terus menyebarkan ideologi dan fahaman mereka di ruang siber. Oleh yang demikian, penelitian khusus harus dilakukan agar perkara yang menjadi kesalahan Syariah di alam siber ini dapat diatasi secara menyeluruh.

## **Perbuatan Tidak Sopan**

Umumnya perbuatan tidak menutup aurat dikhalayak ramai merupakan salah satu bentuk kesalahan di bawah peruntukan perbuatan tidak sopan. Namun pada masa kini penyebaran gambar-gambar dan video aksi yang tidak mengikut nilai Islam seperti bercumbu-cumbuan semakin berleluasa di laman media sosial, termasuklah orang Islam sebagai pelakunya. Perkara ini adalah menjadi satu kesalahan sepertimana yang dinyatakan dalam Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991 pada Seksyen 71, *perbuatan tidak sopan*. Antara perincian yang menjadi kesalahan adalah seperti berikut; (1) *melakukan perbuatan atau berkelakuan atau berpakaian tidak sopan yang bertentangan dengan Hukum Syarak di mana-mana tempat awam adalah merupakan suatu kesalahan*; (2) *bercumbu-cumbuan di mana-mana tempat*.

Jika mengedar bahan-bahan lucu merupakan suatu jenayah di mahkamah sivil, maka begitu juga perundangan Islam. Setiap perbuatan tidak sopan yang dipamerkan oleh orang Islam secara sengaja di khalayak umum di laman media sosial mestilah dikenakan tindakan yang sewajarnya. Jika unsur-unsur khianat dilakukan oleh penjenayah demi untuk menjatuhkan maruah seseorang di ruang siber, maka itu dibawah bidang kuasa mahkamah sivil. Dalam peruntukan kesalahan jenayah Syariah, elemen yang boleh mensabitkan kesalahan tersebut adalah perbuatan atau tindakan yang tidak sopan itu dilakukan sendiri atau dengan sengaja serta dilakukan di tempat awam.

## **Melakukan Transaksi yang Bertentangan dengan Agama Islam**

Pada amalan kebiasaannya, menjual makanan pada siang hari kepada orang Islam di bulan ramadan menjadi suatu kesalahan Syariah (Seksyen 49, Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991). Selain itu, seseorang yang menjual anaknya kepada orang yang bukan Islam juga merupakan suatu kesalahan Syariah (Seksyen 76, Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991). Begitu juga seseorang yang menjadi muncikari<sup>4</sup> turut menjadi satu kesalahan Syariah sepertimana yang dinyatakan pada seksyen 77, enakmen yang sama.

Namun demikian, semua bentuk kesalahan Syariah tersebut boleh dilakukan melalui ruang siber pada masa kini. Segala transaksi dan proses penjualan serta bayaran lebih mudah dilakukan secara atas talian sahaja seperti melalui mekanisme e-dagang. Di samping itu, penjenayah juga sukar dikesan oleh penguatkuasa agama dan elemen pertuduhan juga sukar untuk dipenuhi. Oleh yang demikian, pemakaian keterangan pakar melalui sains forensik harus diaplikasikan pada masa kini demi untuk mencari bahan pembuktian secara tepat sekali gus menyelesaikan kes-kes yang berkaitan jenayah Syariah di alam siber.

## **Berjudi**

Berjudi merupakan salah satu dosa besar dalam Islam. Pada masa kini masyarakat bebas bermain judi hanya dengan melalui komputer dan capaian internet. Dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Melaka) 1991 ada memperuntukkan berkaitannya pada Seksyen 81. *berjudi*, seperti berikut: *Sesiapa orang Islam yang didapati hadir di tempat-tempat judi sama ada ia melakukan perjudian atau tidak, adalah merupakan suatu kesalahan*. Namun malangnya peruntukan tersebut tidak dapat digunakan jika seseorang Islam bermain judi melalui ruang siber di rumahnya sendiri. Hal ini berikutan tafsiran terhadap tempat berjudi

---

<sup>4</sup> muncikari adalah merujuk kepada seseorang yang bertindak sebagai orang tengah antara seorang perempuan dengan seorang lelaki bagi apa-apa maksud yang menyalahi Hukum Syarak.

tidak mencakupi di mana-mana tempat di dalam bidang kuasanya. Tafsiran yang diberikan adalah seperti berikut; "*tempat berjudi*" ertinya *mana-mana premis sama ada terbuka ataupun tertutup dan termasuklah bilik, pejabat atau gerai sama ada orang awam atau ahli-ahli tertentu yang mempunyai hak untuk memasukinya, mengguna atau menyimpan untuk permainan mana-mana permainan berbentuk nasib atau percampuran antara nasib dan kemahiran sama ada secara sah atau sebaliknya untuk wang atau faedah kewangan, tetapi tidak termasuk loteri persendirian dan loteri yang dianjurkan oleh Lembaga Loteri Kebajikan Masyarakat di bawah Social dan Welfare Service Lotteries Board Act 1950 and 1962.*

Walau bagaimanapun, jika kesalahan jenayah Syariah berkaitan judi di ruang siber boleh disabitkan, maka peranan keterangan pakar melalui sains forensik sangat membantu walaupun ia merupakan bukti sokongan atau sebagai *qarinah* di Mahkamah Syariah. Beberapa bidang yang dilihat memberi sumbangan dalam mensabitkan kesalahan judi adalah seperti forensik dokumen, analisis cap jari, analisis rakaman video serta forensik pengkomputeran<sup>5</sup> (Ahmad Syukran, 2017). Memandangkan kes jenayah judi siber semakin meningkat, maka peruntukan tersebut harus diperhalusi semula dan seterusnya diintegrasikan dengan pemakaian forensik yang bersesuaian agar elemen pembuktian berada pada tahap yang dikehendaki.

### **Memecahkan Rahsia**

Sesuatu maklumat, bahan dan data yang disifatkan milik negara dilarang sama sekali untuk dihebahkan kepada masyarakat awam menurut Akta Rahsia Rasmi 1972. Oleh yang demikian, seseorang yang memecahkan rahsia negara akan dikenakan hukuman lebih-lebih lagi rahsia itu disebarluaskan melalui laman media sosial. Perkara ini juga turut terkandung dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Melaka) 1991. Namun ruang dan skop yang terhad berkaitan agama Islam dan institusinya di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah. Seksyen 88, memperuntukkan berkaitan *memecahkan rahsia* seperti berikut:

*“Sesiapa yang dengan tidak sepatutnya menyata atau membuka suatu perkara, yang menjadi kewajipannya untuk merahsiakannya kepada seseorang yang tidak berhak di sisi Undang-Undang untuk diberitahukan hal itu, adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi lapan belas bulan atau kedua-duanya sekali.”*

### **Mengadakan Kutipan Wang yang Tidak Sah**

Kutipan yang biasa dilakukan dalam konteks agama Islam dan bidang kuasa negeri adalah berkaitan bayaran zakat dan sumbangan wakaf atau derma kepada golongan yang tertentu. Namun pada masa kini, kebenaran untuk mengadakan kutipan seolah-olah tidak lagi diperlukan kerana ia boleh dilakukan secara terus melalui ruang siber dan atas talian. Maka mereka yang melakukan kutipan yang tidak sah melalui ruang siber ini harus dikenakan hukuman yang seharusnya. Peruntukan ini telah dinyatakan dalam Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) pada Seksyen 89, Pungutan yang Tak Sah seperti berikut:

---

<sup>5</sup> Forensik komputer ialah aplikasi kajian saintifik dan analisis data yang dilakukan pada storan media yang dikenal pasti dapat memberikan sesuatu bukti dalam sesuatu kes.

*“Sesiapa yang membuat atau mengambil bahagian di dalam sesuatu pungutan yang berlawanan dengan Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Melaka) 1991 adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lapan belas bulan atau kedua-duanya sekali dan Mahkamah hendaklah memerintahkan supaya semua wang pungutan yang telah diperolehi dirampas dan dimasukkan ke dalam Baitulmal.”*

## **HALANGAN DAN CABARAN DALAM PENGUATKUASAAN KESALAHAN JENAYAH SYARIAH DI ALAM SIBER**

Terdapat beberapa halangan dan cabaran dalam menguatkuasakan kesalahan jenayah Syariah di alam siber ini. Antara elemen yang perlu diperhalusi dan dikemaskini adalah berkaitan dengan undang-undang prosedur jenayah ataupun tatacara jenayah Syariah di Mahkamah Syariah. Perkara utama yang menjadi penghalang adalah berkaitan bidang kuasa jenayah Syariah di Mahkamah Syariah. Bidang kuasa secara umum merujuk kepada kuasa sesebuah mahkamah untuk mendengar dan memutuskan sesuatu kes, sama ada menerusi perbicaraan, rayuan atau semakan dalam had yang tertentu. Had ini ditentukan berdasarkan subjek perkara, jenis kesalahan dan juga takat hukuman yang boleh dikenakan.

Terdapat tiga aspek bidang kuasa, iaitu bidang kuasa hakim dalam mengendalikan kes jenayah, bidang kuasa hukuman dan bidang kuasa tempatan (Siti Zubaidah, 2016). Bagi bidang kuasa hakim, ia tidak menjadi penghalang untuk membicarakan kes berkaitan kesalahan jenayah Syariah di alam siber, begitu juga dengan bidang kuasa hukuman, akan tetapi hukuman yang ditetapkan menurut Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) yang berkaitan dengan kesalahan di alam siber dilihat seolah-olah tidak setimpal dan tidak mampu untuk membendung kesalahan ini dari terus berleluasa (Mohd Sabree, 2018). Namun ia masih dalam ruang lingkup hukuman yang telah ditetapkan oleh Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965. Walau bagaimanapun, isu dan penghalang dalam melaksanakan penguatkuasaan kesalahan jenayah Syariah adalah berkisar dalam persoalan bidang kuasa tempatan, keterbatasan bidang kuasa penguatkuasa agama, kedudukan orang bukan Islam dalam kesalahan Syariah di ruang siber dan kesukaran untuk memenuhi elemen pembuktian dalam pertuduhan.

### **Keterbatasan Bidang Kuasa Tempatan**

Bidang kuasa tempatan atau kawasan merujuk kepada kedudukan mahkamah Syariah sebagai mahkamah yang berbidang kuasa membicarakan kes-kes jenayah Syariah mengikut kawasan atau daerah dalam negeri di mana sesuatu kesalahan itu dilakukan. Perkara ini sepertimana yang diperuntukan dalam Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Melaka) 2002, pada Seksyen 67, *tempat biasa bagi perbicaraan*, seperti berikut:

*“Tiap-tiap kesalahan hendaklah pada lazimnya dibicarakan oleh Mahkamah yang di dalam had bidang kuasa tempatannya kesalahan itu telah dilakukan.”*

Bagi kesalahan jenayah Syariah yang melibatkan alam siber, ia sedikit sebanyak sukar untuk menentukan dimanakah kesalahan itu dilakukan. Hal ini kerana alam maya dan internet bukanlah sesuatu yang berada tetap disesuatu kawasan, akan tetapi ia boleh dicapai dimanapun sahaja dengan begitu mudah dan pantas. Walau bagaimanapun, Seksyen 70, Enakmen



Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Melaka) 2002, mempunyai ruang untuk mensabitkan kesalahan jenayah Syariah yang berlaku di ruang siber. Seksyen ini memperuntukkan berkaitan “jika tempat kejadian kesalahan tidak dapat ditentukan” seperti berikut:

*Jika-*

*(a) tidak dapat ditentukan di dalam yang manakah daripada beberapa kawasan tempatan sesuatu kesalahan itu telah dilakukan;*

*(b) sesuatu kesalahan dilakukan sebahagiannya di dalam satu had bidang kuasa tempatan dan sebahagiannya di dalam had bidang kuasa tempatan yang lain;*

*(c) sesuatu kesalahan ialah kesalahan berterusan dan terus dilakukan di dalam lebih daripada satu had bidang kuasa tempatan; atau*

*(d) ia terdiri daripada beberapa perbuatan yang dilakukan di dalam had bidang kuasa tempatan yang berlainan,*

*maka kes itu bolehlah didengar oleh Mahkamah yang mempunyai bidang kuasa di dalam mana-mana had bidang kuasa tempatan tersebut.*

### **Keterbatasan Penguatkuasa Agama**

Pada masa kini, penguatkuasa agama berhadapan dengan pelbagai cabaran penguatkuasaan berikutan dengan perkembangan teknologi dan medium penyebaran maklumat yang semakin moden, canggih dan cepat. Hal ini menyebabkan timbulnya persoalan dan cabaran tentang bagaimanakah hendak membendung kesalahan jenayah Syariah yang dilakukan di alam siber (Siti Zubaidah, 2017). Pegawai penguatkuasa agama yang diberikan kuasa untuk menggunakan waran tangkap hanya boleh berbuat demikian di negeri tempat pelantikannya dibuat sahaja. Selain itu, pegawai ini hanya mempunyai kuasa untuk memanggil saksi-saksi yang tinggal di negeri itu sahaja untuk tujuan disoal siasat. Dengan kata lain, pegawai penguatkuasa tidak boleh memaksa saksi-saksi yang tinggal di luar negeri untuk menghadirkan diri untuk disoal siasat (Shamrahayu, 2016). Bidang kuasa yang terhad inilah yang menjadi salah satu faktor penghalang untuk melaksanakan kesalahan jenayah Syariah di alam siber.

### **Kedudukan Orang Bukan Islam dalam Kesalahan Syariah di Alam Siber**

Undang-undang kesalahan Syariah ini hanya terpakai ke atas orang Islam sahaja. Kedudukan pemakaian undang-undang yang terhad kepada orang Islam sahaja dijelaskan dalam Enakmen Kesalahan Syariah setiap negeri di bahagian “permulaan atau muqaddimah”. Oleh yang demikian, kedudukan seseorang yang bukan Islam apabila melakukan kesalahan Syariah di alam siber seperti menghina agama Islam tidak dapat disabitkan kesalahan tersebut di Mahkamah Syariah. Justeru, perkara ini juga perlu diteliti kerana sebagai sebuah negara Islam, kita tidak seharusnya menyediakan ruang untuk orang bukan Islam melakukan kesalahan jenayah Syariah, lebih-lebih lagi melakukan penghinaan terhadap agama Islam (Shamrahayu, 2016). Selain itu, kesukaran untuk mengenalpasti identiti “Islam” berdasarkan kesalahan jenayah di ruang siber bukanlah suatu perkara yang mudah. Namun berdasarkan kepada keterangan pakar melalui sains forensik, ia bukanlah mustahil untuk dilakukan.

### **Kesukaran Memenuhi Elemen Pembuktian**

Melihat kepada bentuk kesalahan yang dilakukan di ruang siber yang begitu kompleks, maka sudah tentu terjadinya kesukaran untuk memenuhi elemen pembuktian bagi mensabitkan

kesalahan jenayah Syariah ini. Antara cara pembuktian yang boleh dilakukan adalah dengan menggunakan Seksyen 33, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Melaka) 2002, berkaitan dengan “pendapat pakar”. Cara ini sedikit sebanyak mampu untuk membantu hakim dalam mengenalpasti bukti-bukti yang berkaitan terutamanya dalam bidang sains dan teknologi yang terkini. Dalam kes ini, pakar forensik komputer atau forensik digital sangat diperlukan untuk membantu pihak mahkamah dalam proses penyiasatan dan seterusnya mencari bahan bukti untuk mensabitkan sesuatu kesalahan yang berkaitan.

## PEMAKAIAN KETERANGAN PENDAPAT PAKAR SEBAGAI KAEDAH PEMBUKTIAN DI MAHKAMAH SYARIAH

Salah satu cara pembuktian yang diterima dalam perundangan Islam ialah pendapat pakar atau juga dikenali sebagai keterangan pakar. Dalam bahasa Arab, pendapat pakar disebut sebagai “*al-Ra’yu al-Khabir*”. Ibn Qayyim dalam *al-Turuq al-Hukmiyyah* mentafsirkan *al-Ra’yu al-Khabir* sebagai “kesaksian orang yang berkeahlian tentang sesuatu bidang” (Ibnu Qayyim, 1977). Bukan itu sahaja, menurut Perkara 1689 Majallah Al-Ahkam Al-Adliyyah, menyatakan laporan orang yang berkemahiran atau dikenali sebagai pakar boleh diterima sebagai testimoni yang sah walaupun jika perkataan “syahadah” tidak digunakan. Menurut sesetengah ulama, keterangan pakar adalah mengikat Mahkamah (Mahmud Saedon, 1990). Walau bagaimanapun, kebanyakan ulama menerima pakai keterangan pakar dan juga sains forensik ini pada tahap *al-Qarinah* atau bukti keterangan sebagaimana yang dinyatakan dalam Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Melaka) 2002.

Jadual 4: Kategori Keterangan Pendapat Pakar di Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil

Peruntukan	Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Melaka) 2002	Akta Keterangan 1950
<b>Seksyen</b>	(33) pendapat pakar	(45) pendapat pakar
<b>Bentuk Penerimaan</b>	<i>Qarinah</i>	Fakta berkaitan
<b>Kategori Pendapat Pakar</b>	Undang-undang Negara Asing Sains atau Seni Identiti Tulisan Tangan Cap Jari Penentuan Nasab	Undang-undang Negara Asing Sains atau Seni Identiti Tulisan Tangan Cap Jari -

Sumber: *Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Melaka) 2002 dan Akta Keterangan 1950*

Untuk memastikan setiap pakar itu relevan dikemukakan di Mahkamah Syariah untuk memberikan keterangan, seseorang pakar mestilah terangkum dalam mana-mana kategori yang telah dinyatakan pada seksyen 33 seperti jadual di atas (Mohd Sabree & Ruzman, 2020). Pakar yang boleh dijadikan rujukan oleh pihak mahkamah untuk membantu dalam kes kesalahan jenayah siber ini kebanyakannya adalah dalam kategori sains. Rentetan daripada perkembangan sains dan teknologi yang semakin canggih serta terjadinya jenayah siber yang semakin meluas, maka pemakaian keterangan pakar melalui penggunaan sains forensik dalam Islam sangat membantu dalam menjalankan siasatan dan mendapatkan bahan bukti terhadap kes jenayah yang dilakukan. Selain itu, ia juga menjadi rujukan kepada para hakim, peguam dan pendakwa Syarie dalam menyelesaikan kesalahan jenayah Syariah yang kompleks (Mohd

Sabree *et.al.*, 2017). Dalam kesalahan jenayah Syariah yang melibatkan ruang siber, penggunaan forensik digital dan forensik komputer mampu untuk menemui bahan bukti dengan lebih mudah dan seterusnya dapat menjejaki pesalah yang melakukan perbuatan yang bertentangan dengan hukum Syarak. Pemakaian elemen sains ini sebenarnya diiktiraf sejak dahulu lagi di Mahkamah Syariah, namun pemakaiannya sahaja yang tidak meluas lebih-lebih lagi dalam menyelesaikan kes yang berkaitan kesalahan jenayah di mahkamah Syariah.

## **PENUTUP**

Dalam Al-Quran Allah SWT memerintahkan manusia supaya bertanya kepada mereka yang berkeahlian dan pakar dalam sesuatu bidang jika kita tidak mengetahuinya (Al-Quran 16: 43). Justeru itu, dalam mencari pembuktian terhadap kesalahan jenayah Syariah yang berlaku di ruang siber ini, sudah semestinya ia berada di luar pengetahuan pengamal undang-undang di mahkamah Syariah khususnya. Maka pemakaian keterangan pakar melalui sains forensik harus digunakan sebaik mungkin kerana ia termasuk dalam bidang kemahiran dan kepintaran teknologi manusia sepertimana diajar oleh Rasulullah s.a.w. dalam hadis yang berkaitan hal keduniaan. Hadith yang diriwayatkan daripada Anas bin Malik, Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud, “kamu lebih mengetahui tentang urusan dunia kami” (riwayat Muslim). Pemakaian sains forensik dalam menyelesaikan kes di alam siber ini membawa kepada kemaslahatan ummat secara menyeluruh di samping memenuhi kehendak maqasid Syariah.

Perluasan pemakaian keterangan pakar terhadap sains forensik harus dilakukan kerana terdapatnya beberapa kes yang memerlukan kepadanya antaranya adalah berkaitan dengan jenayah sihir (Mohd Sabree, 2015). Namun, bagi kesalahan jenayah Syariah yang telah mempunyai peruntukan yang sedia ada, pemakaian sains forensik ini mampu untuk menyelesaikan elemen pembuktian dalam pertuduhan. Selain daripada bentuk kesalahan yang dinyatakan di atas, bentuk kacau ganggu di laman media sosial pada masa kini semakin menjadi-jadi dan boleh menyebabkan kepada perceraian dan keretakan dalam rumah tangga. Oleh yang demikian, pengiktirafan terhadap sains forensik dalam perundangan Islam serta kerjasama daripada semua pihak dan agensi dapat membendung pelbagai jenis kesalahan daripada berlaku dan terus berleluasa yang akhirnya akan merosakkan agama dan umat Islam itu sendiri.

## **RUJUKAN**

- Ahmad Syukran Baharuddin. (2017). *Di Sebalik Fiqah Forensik: Hukum-hakam Berkaitan Pengalaman Forensik*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Dakwa hina Islam: Polis buka kertas siasatan video Namawee. (Berita Awani, 29 Julai 2016). <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/dakwa-hina-islam-polis-buka-kertas-siasatan-video-namawee-112477>. (diakses pada 19 Januari 2018).
- Guru didakwa hina Islam di FB disiasat. (Utusan Online, 18 Disember 2017). <http://www.utusan.com.my/berita/jenayah/guru-didakwa-hina-islam-di-fb-disiasat-1.574875>. (diakses pada 19 Januari 2018).
- Guru disiasat kerana didakwa hina Islam di Facebook. (Berita Harian, 17 Disember 2017). <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2017/12/364511/guru-disiasat-kerana-didakwa-hina-islam-di-facebook>. (diakses pada 19 Januari 2018).
- Hina Nabi Muhammad: Laporan polis dibuat terhadap pemilik akaun Asiah. (Kosmo Online, 16 November 2017). <http://www.kosmo.com.my/negara/hina-nabi-muhammad-laporan-polis-dibuat-terhadap-pemilik-akaun-asiah-1.554036>. (diakses pada 19 Januari 2018).

- Hukum mati hina Islam di Facebook. (Metro, 13 Jun 2017). <https://www.hmetro.com.my/global/2017/06/237195/hukum-mati-hina-islam-di-facebook>. (diakses pada 19 Januari 2018).
- Ibnu Qayyim. (1977). *al-Turuq al-Hukmiyyah*. Mesir: Matbaah al-Madani.
- Mahmud Saedon A. Othman. (1990). *Undang-undang Keterangan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- MJMM buat laporan polis kes hina Islam di Facebook. (Sinar Online, 14 Ogos 2013). <http://www.sinarharian.com.my/mobile/semasa/mjmm-buat-laporan-polis-kes-hina-islam-di-facebook-1.192014>. (diakses pada 19 Januari 2018).
- Mohd Sabree Nasri & Ruzman Md Noor. (2020). Kategori Keterangan Pendapat Pakar di Mahkamah Syariah: Isu dan Cadangan Pelaksanaan Undang-Undang. *Journal of Shariah Law Research* (2020) vol. 5 (1) 35-54.
- Mohd Sabree Nasri, Mohamad Afandi Md Ismail, Abu Suffian Abu Yaziz, Al Adib Samuri. (2017, 31 July - 1 Ogos). Keterangan Pakar Sebagai Cara Pembuktian di Mahkamah Syariah. Kertas Kerja dibentangkan di *E-Proceeding Of The 4th World Conference On Integration Of Knowledge 2017*, Bayview Beach Resort, Batu Ferringhi Beach, Pulau Pinang, Malaysia.78-86.
- Mohd Sabree Nasri. (2015). Jenayah Sihir di Malaysia: Permasalahan dan Cadangan Pelaksanaan Undang-undang. *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat*, 19, 51-58.
- Mohd Sabree Nasri. (2018). Akta 355 dan Perkembangan Bidang Kuasa Mahkamah Syariah Dalam Perkara Jenayah Di Malaysia. *Journal of Law & Governance*, Vol. 1 (No. 1) 2018: 77-90.
- Sahizan Sagi. (2015). *Awas! Jenayah Siber*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shamrahayu A. Aziz. (2016). *Isu Penguatkuasaan Undang-undang Jenayah Syariah di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Zubaidah Ismail. (2016). *Undang-undang Tatacara Jenayah Syariah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Zubaidah Ismail. (2017). *Undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

### **Rujukan Statut**

- Akta Jenayah Komputer 1997.
- Akta Keterangan 1950.
- Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.
- Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965.
- Akta Perlindungan Pengguna 1999.
- Akta Rahsia Rasmi 1972.
- Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991.
- Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Melaka) 2002.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002.
- Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Melaka) 2002.
- Kanun Keseksaan.